



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Lokasi Letak Kenderaan Buruk' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 12 Februari 2010. PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak Berita Harian berhubung perkara ini.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengalihkan kereta tersadai yang berkenaan pada 12 Februari 2010. Pada masa yang sama PPj juga akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan masalah ini berulang pada masa hadapan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Februari 2010